

PENYATA RASMI

**MESYUARAT KEEMPAT BAGI PENGGAL
PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR KE-12**

HARI ISNIN

15 MAC 2012

BIL. 17 TAHUN 12

HADIR

Y.B. Dato' Speaker,
Dato' Haji Mohd. Ali bin Hassan,
DPMJ., PJN., KMN., PIS., AMN., PPN.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar Johor,
Dato' Haji Abdul Ghani bin Othman, DK., SPMJ., PIS.
(Serom)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan,
Kerja Raya dan Kemudahan Awam Negeri, Johor.
Dato' Haji Ahmad Zahri bin Jamil, DPMJ., PJN., PIS.
(Sri Medan)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan
Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan Negeri, Johor.
Dr. Hajah Robia binti Dato' Haji Kosai
(Sungai Balang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Dato' Haji Zainal Abidin bin Haji Osman, SPMJ., KMN., PIS.
(Endau)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa
dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar Negeri Johor.
Encik Tan Kok Hong @ Tan Yi, JMN., PIS.
(Bekok)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.
Datuk Haji Ab. Aziz bin Kaprawi, PJN., PIS., AMN.
(Parit Raja)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar
dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan Negeri, Johor.
Puan Hajah Asiah binti Md. Ariff, AMN.
(Johor Lama)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan
dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi Negeri, Johor.
Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia,
Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri, Johor.
Encik M. Asojan a/l Muniyandy, AMN.
(Gambir)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan
Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri, Johor.
Encik Hoo Seong Chang, PIS.
(Paloh)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan Negeri, Johor.
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday
(Mahkota)

Y.B. Datuk Haji Othman bin Jais, PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN.
(Buloh Kasap)

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah, PJN., PIS., AMN.
(Tanjong Surat)

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat, JP., KMN., PIS., AMN., PPN.
(Bukit Serampang)

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sopian, DSNS., AMN., PIS.
(Kempas)

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman, PJN., KMN., PIS., JP.
(Machap)

Y.B. Datuk Ng See Tiong, PJN., JP., KMN., AMN., PIS., PK.
(Parit Yaani)

Y.B. Puan Lim Kee Moi, PIS.
(Yong Peng)

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman, DSNS., KMN., AMN.
(Puteri Wangsa)

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin, DMSM., DSM., BCM., PIS., PPN.
(Semerah)

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin, AMN., KMN., PIS., PPA., PSSB.
(Layang-Layang)

Y.B. Encik Lau Chin Hoon,
(Pemanis)

Y.B. Datuk Haji Ayub bin Rahmat, DPSM., PPN., AMN.
(Kemelah)

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

Y.B. Datuk Haji Abdullah @ Md. Khalid bin Md. Ali, DMSM., PIS., AMN.
(Bukit Naning)

Y.B. Datuk Dr. Lee Hong Tee, DPSM.
(Jementah)

Y.B. Encik Cheong Chin Liang,
(Bukit Batu)

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.
(Pulai Sebatang)

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sopian, DMSM., KMN., AMN.
(Nusajaya)

Y.B. Datuk Koh Chee Chai, PJN., PIS.
(Penggaram)

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

Y.B. Encik Tan Cher Puk, AMN.
(Johor Jaya)

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba, DMSM.
(Pasir Raja)

Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad, PGDK., PIS., KMN., AMN.
(Benut)

Y.B. Datuk Munusamy a/I Mareemuthu, PJN., PIS., BSI., KMN., AMN., PPN.
(Permas)

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor,
(Penawar)

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan,
(Kahang)

Y.B. Encik Tang Nai Soon,
(Pekan Nenas)

Y.B. Datuk Dr. Shahrudin bin Md. Salleh, PMW.
(Jorak)

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof, DMSM., DSM.
(Kukup)

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali,
(Bukit Permai)

Y.B. Encik Goh Tee Tee, PIS.
(Tangkak)

Y.B. Tuan Haji Ja'afar bin Hashim, PPN.
(Senggarang)

Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajan, PIS., AMN.
(Tenggaroh)

Y.B. Encik Chia Song Cheng,
(Pengkalan Rinting)

Y.B. Datuk Haji Adam bin Sumiru, KMN., AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

Y.B. Encik Mok Chek Hou,
(Stulang)

Y.B. Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim
(Tenang)

Y.B. Encik Ong Kow Meng,
(Senai)

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh,
(Sungai Abong)

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang,
(Bentayan)

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau,
(Skudai)

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim
(Maharani)

Y.B. Encik Ng Lam Hua,
(Mengkibol)

TURUT HADIR

**(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN
NEGERI JOHOR)**

Y.B. Setiausaha Kerajaan Johor,
Dato' Haji Obet bin Tawil, DPMJ., PIS.

Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Johor,
Datuk Abdul Rahman Putra bin Dato' Haji Taha, DMSM., DSM.

Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Johor,
Tuan Haji Marsan bin Kassim

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain,
(Sedili)

Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.

Y.B. Dato' Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.

(Jurutulis membaca doa).

Jurutulis : PERMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT DATO' SPEAKER.

Y.B. Dato' Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan diucapkan selamat pagi, salam sejahtera. Ahli Yang Berhormat sekalian, dapat jumpa lagi. Ingat dah tak ada jumpa lagi bila ada pilihan raya. Eh, tak jadi. Ok, perbahasan diteruskan.

Jurutulis : PEMBENTANGAN KERTAS-KERTAS MESYUARAT

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 1 Tahun 2012.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 2 Tahun 2012.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 3, 4, dan 5 Tahun 2012.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 6 Tahun 2012.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 7 Tahun 2012.

Jurutulis : SOALAN-SOALAN LISAN.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Puan Lim Kee Moi, jemput.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan 1.

Dipohon diadakan sistem kawalan keselamatan yang lebih ketat di Pencawang TNB (Transmission Centre) di Bt. 4, Jalan Labis, Yong Peng.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk pencawang masuk utama di Yong Peng, TNB telah menempatkan anggota Polis Bantuan bertugas di pemasangan tersebut terdiri daripada 4 orang anggota Koperal dan 12 anggota Konstabel. Anggota ini ditugaskan mengikut 4 shif untuk kawalan 24 jam sehari, iaitu

setiap syif terdiri daripada seorang Koperal, dan 3 Konstabel. Penempatan anggota Polis Bantuan adalah perlu memandangkan pemasangan ini merupakan pemasangan kritikal dari segi pembekalan elektrik dalam sistem grid nasional dan juga pengisytiharan sebagai Sasaran Penting Keutamaan 2.

Yang Berhormat Dato' Speaker, selain daripada kawalan anggota Polis Bantuan, sistem CCTV di bawah projek *Integrated Security Management System* dengan izin, telah siap dipasang dan beroperasi sepenuhnya untuk meningkatkan lagi kawalan keselamatan di pemasangan ini. Projek yang dilaksanakan oleh Jabatan ini menggabungkan 3 elemen utama dalam konsep keselamatan iaitu *Deterrent, Detection* dan *Response* dengan izin.

Y.B. Dato' Speaker : Ya, jemput, Yong Peng.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Soalan tambahan Yang Berhormat Dato' Speaker, apakah perancangan kerajaan supaya menggazetkan kawasan di situ sebagai kawasan larangan tahap 1. Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Dato' Speaker, seperti yang saya sebutkan tadi pengawasan adalah Sasaran Penting Keutamaan 2, memang dijalankan masuk.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Datuk Dr. Shahrudin bin Md. Salleh jemput.

Y.B. Datuk Dr. Shahrudin bin Md. Salleh (Jorak) : Yang Berhormat Dato' Speaker, Soalan nombor 2.

Apakah langkah-langkah keselamatan yang diambil oleh PLUS dalam menyelesaikan masalah kemalangan di lebuhraya dirempuh kenderaan lain terutama yang melibatkan lori yang rosak akibat diletak di lorong kecemasan atau ada pula yang melakukan kerja-kerja membaiki kenderaan di lorong kecemasan?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua lebuhraya bertol di negara kita ini perlu mematuhi keperluan garis panduan prosedur tetap operasi secara ringkasnya SOP bagi pengalihan kenderaan di lebuhraya untuk mengatasi kes-kes menangani kes-kes kemalangan atau kenderaan rosak di lebuhraya, pihak PLUS Express Way Berhad selaku pemegang konsesi lebuhraya juga tidak terkecuali dalam memastikan SOP ini dipatuhi sepenuhnya. Antara SOP yang dilakukan ialah :

1. Bagi lebuhraya dalam bandar ataupun *Intra Urban* dengan izin, pasukan Peronda lebuhraya perlu tiba dalam masa tempoh 10 minit di lokasi kejadian setelah menerima aduan mengenai sesuatu insiden.
2. Bagi lebuhraya antara bandar, pasukan Peronda Lebuhraya perlu tiba dalam masa tempoh masa yang ditetapkan iaitu 20 minit di tempat kejadian, setelah menerima aduan ataupun informasi mengenai sesuatu insiden.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam menangani kes kemalangan atau kerosakan di lebuhraya, setiap peronda yang tiba di lokasi perlu melaksanakan apa yang dipanggil Pengurusan Trafik Sementara dengan serta merta di tapak kejadian untuk memberi amaran kepada pemandu-pemandu lain. Mengelakkan kesesakan serta melencongkan kenderaan lain agar tidak melanggar kenderaan tersebut. Setiap kenderaan yang terlibat dengan kemalangan atau kerosakan perlu juga dipindahkan dengan segera dengan trak tunda ke kawasan selamat seperti kawasan hentian rehat ataupun Plaza tol yang berdekatan.

Manakala bagi kenderaan yang melibatkan perkara perundangan seperti kes-kes kemalangan maut dan perlu diselesaikan oleh misalnya PDRM dan agensi yang selainnya, kerja-kerja pengurusan trafik akan diteruskan sehingga urusan selesai dan kenderaan tersebut ditunda ke kawasan yang selamat. Tindakan-tindakan yang dinyatakan ini adalah di atas serta pematuhan lebuhraya secara sistematik melalui pusat kawalan serta bilangan rondaan yang lebih kerap terutamanya pada musim perayaan sedikit sebanyak membantu meningkatkan lagi aspek keselamatan di lebuhraya.

Berkaitan kejadian kemalangan akibat dirempuh kenderaan lain yang melibatkan lori yang diletak di lorong kecemasan yang dibangkitkan oleh ADUN Jorak, di lorong kecemasan lebuhraya, ingin ditegaskan bahawa ia adalah merupakan antara kes yang terpencil yang mungkin berpunca, yang selalunya berpunca daripada pemilik kenderaan yang rosak itu gagal melaporkan kejadian kepada pihak konsesi ataupun kemalangan berlaku setelah kenderaan itu rosak dan sebelum sampai tempoh bantuan tiba, ianya telah dilanggar oleh kenderaan yang lain.

Ada dua kemungkinan itu Yang Berhormat Dato' Speaker. Sehubungan itu para pengguna lebuhraya pula adalah dinasihatkan supaya yang mustahaknya melaporkan kepada syarikat konsesi setiap kejadian kemalangan di lebuhraya agar bantuan daripada pihak Peronda dapat mengambil tindakan dengan kadar segera. Manakala bagi kes-kes kemalangan yang melibatkan kenderaan ketika melakukan kerja-kerja pembaikan di lebuhraya adalah berpunca selalunya daripada kecuaiannya pemandu itu sendiri walaupun pengurusan trafik dibuat oleh pihak syarikat konsesi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat secara dasarnya kenderaan yang rosak atau terlibat dengan kemalangan ringan tidak dibenarkan sama sekali di baik pulih di dalam kawasan lebuhraya termasuk di lorong kecemasan atau bahu jalan melainkan ia melibatkan kenderaan berat yang gagal ditunda disebabkan oleh masalah mekanikal yang besar. Walau bagaimanapun, Peronda adalah bertanggung jawab untuk menentukan segala kerja-kerja pembaikan di lorong kecemasan yang tidak dapat dielakkan dibekalkan dengan pengurusan trafik yang secukupnya.

Bekalan pengurusan trafik ini adalah seperti apa ni, cone dengan izin, yang kita nampak selalu kalau ada rosak, MPV lebuhraya akan tiba dan letak kon-kon itu di tempat kejadian dan MPV itu akan kekal di situ sehingga masalah selesai. Walau bagaimanapun, Peronda adalah bertanggung jawab untuk menentukan segala

kerja-kerja pembaikan di lorong-lorong kecemasan yang tidak dapat dielakkan dibekalkan pengurusan trafik yang secukupnya dan dalam apa-apa kejadian sekali pun, pengalihan kenderaan ke kawasan selamat adalah merupakan keutamaan yang ditetapkan mengikut SOP yang ada.

Y.B. Dato' Speaker : Kempas.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sopian (Kempas) : Terima kasih Dato' Speaker, tentang kemalangan yang sering berlaku di lebuhraya kita ni saya rasa memang amat perlulah di *minimisekan*. Satu perkara yang ingin saya nyatakan di sini Yang Berhormat Dato' Speaker, tentang kereta tunda swasta di mana kalau ada kerosakan kereta umpamanya pernah berlaku perkara ini terhadap diri saya. Tentang bayaran yang dikenakan itu. Contohnya semasa kemalangan berlaku pada saya, untuk menarik kereta di Tangkak sampai ke Johor Bahru, dia caj sampai RM1,000.00, adakah PLUS...

Y.B. Dato' Speaker : Yang terhormat ini tajuk lain. Ini soalan asal, tajuk lain.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sopian (Kempas) : Kemalangan...

Y.B. Dato' Speaker : Tetapi Yang Berhormat cerita tarik tu ...

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sopian (Kempas) : Perkhidmatan yang diberikan oleh penunda kereta ini dikawal oleh pihak PLUS dalam segi untuk menunda kereta-kereta yang rosak sama ada kemalangan ataupun rosak. Terima kasih Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, berkenaan dengan kereta tunda ini ataupun *tow truck*. Di dalam kawasan lebuhraya itu sendiri ada apa ni, kereta tunda yang disediakan oleh pihak PLUS, yang akan datang bila dipanggil kalau ada kereta rosak untuk ditarik sehingga ke rumah tol, selepas itu terpulang kepada pemunya kereta rosak tu untuk memanggil *tow truck* yang dalam panel PLUS ataupun *tow track* yang dia kenal sendirilah. Saya tak boleh komenlah berkenaan dengan apa yang dibangkitkan oleh ADUN Kempas, bayaran yang dikenakan tinggi oleh *tow truck* swasta. Saya tak tahu sama ada itu *tow truck* panel *highway* ataupun *tow truck* yang datang yang selalunya berada berkeliaran di *highway*, jadi tapi kemudahan yang disediakan PLUS ada *tow truck* sendiri boleh kita panggil dan PLUS juga ada kalau menyediakan panel *tow truck* dia sendiri yang saya difahamkan memberikan keadaan apa ni memberikan harga yang berpatutan.

Y.B. Dato' Speaker : Mengkibol.

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : Terima kasih. Saya nak beritahu di Dewan ini, jalan tol selalunya kita nampak ada, kadangkala ada kayu jatuh situ, ada tayar pecah, yang apa pancit punya tayar ada rosak di tepi jalan, kadang-kadang ada batu jatuh juga, tak tahu macam mana, ini bahaya. Satu ketika malam, kereta saya lalu jalan sampai Pagoh, saya nampak depan kereta tiba-tiba elak macam itu. Kita

tengok apa itu? Bila kita sampai baru nampak tayar, tayar lori besar di tengah, hampir-hampir separuh jalan. Selepas itu, pergi sebelah lorong lagi itu, rim dia pulak rosak di tengah sana, bahaya. Jadi saya telefon itu, telefon polis, kata kalau tak ada datang, mesti tak tahu siapa yang akan, akan kena. Jadi saya nak tanya macam mana, macam mana kita nak pastikan ini apa-apa perkara, apa-apa, benda yang jatuh boleh cepat-cepat dipindah ke tempat lain. Jangan tunggu sampai ada kemalangan tol, kemalangan tol baru datang.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat itu nasib tak baiklah. Baru dua minit jatuh, Yang Berhormat tiba. Tak sempat nak panggil polis.

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : Tak mahulah, itu tak mahu. Itu bahaya. Saya nak macam mana tol, nak cadangkan kepada, kepada tol supaya keselamatan dijamin.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ucap tahniah jugalah kepada Mengkibol, dia memandu di lebuh raya di kawasan yang berkenaan itu, dia terserempak dengan tayar pecah, daripada selalunya lori trelerlah. Dan dia pun menelefon terus pihak yang berkenaan. Kita pun boleh telefon PLUS sebenarnya kerana kalau Yang Berhormat gunakan apa ini, dapat resit ada kad, kad tol, dekat situ ada nombor *emergency* ataupun kecemasan untuk panggil PLUS. Dan selalunya dia datang macam yang saya sebutkan tadi itulah. Kalau *intra-urban* itu dia dalam 20 minit, kalau dalam kawasan Bandar sepuluh minit. Ok, *that is the SOP*, ok. Antara bandar jauh tu. Itu SOP dia, maksimum 20 minit, ok. Itu dia punya SOP dan saya juga nak maklumkan bahawa sepanjang kawasan PLUS *highway* ini memang dia ada rondaan yang selalu sering dilakukan oleh PLUS untuk melihatkan perkara-perkara seperti ini. Masalah tayar pecah, tiub dah terkeluar kita nak terlanggar, ataupun serpihan tayar. Kemudian tak tahulah selepas itu, nampak rim, rim, rim tayar pulak. Saya tak pernah jumpa rim tayar. Nampak yang ini, rim mungkin, kalau rim itu mungkin, rim itu tercabut agaknya daripada ah, *that is very unfortunatelah*. Sorry, ya.

Y.B. Dato' Speaker : Ok that's right.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Jadi tapi itulah yang dapat saya jelaskan kepada YB Mengkibollah. Tapi nak maklumkan bahawa memang dah ada SOPnya, seperti yang saya sebut tadi dan ada juga rondaan yang sering dilakukan oleh pihak PLUS. Saya nak maklumkan *highway* ini kita tak boleh nafikan bahawa dia banyak bawa, bawak apa ni kemudahan kepada rakyat Malaysia secara keseluruhannya.

Y.B. Dato' Speaker : Maharani.

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Tiap-tiap faktor yang melibatkan kemalangan didapati ialah kerana lori-lori ini biasanya lampu belakangnya itu terlalu kecil, kita bandingkan dengan kereta, kereta kita lampu belakangnya lebih terang daripada lori. Ini menyebabkan kenderaan di sebelah belakang lori terlanggar lori ini, terutama lori yang rosak di tepi jalan. Begitu juga, saya cadangkan boleh tak JPJ memastikan bahawa setiap lori ini

mesti ada tambahan stiker pemantul cahaya di belakang itu supaya daripada jauh kita nampak bahawa ini lori. Sebab biasanya lori ini pergerakan agak perlahan dan kalau kita yang memandu kereta yang agak perlahan juga melalui sebelah kiri, kadang-kadang kita tak perasan di depan itu ada lori terutama waktu malam. Jadi JPJ minta perhatian. Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, setiap kenderaan yang melalui lebuh raya dan juga mana-mana jalan awam di negara kita ini ada perundangan yang tetap, yang telah ditetapkan oleh pihak JPJ. Termasuklah sistem-sistem pemantulan cahaya di belakang kenderaan-kenderaan besar termasuk lori dan juga treler-treler yang berkenaan tetapi saya nak ingatkan juga, hakikatnya ialah saya nak tanya Yang Berhormat Maharani ini, kalau bawa dekat *highway* itu agaknya Yang Berhormat sentiasa mengikut peraturan tidak melebihi 110 kilometer sejam.

Y.B. Dato' Speaker : Kukup.

Y.B. Datuk Haji Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Saya difahamkan kalau kita menggunakan lebuh raya PLUS dan jika kita melanggar apa-apa objek yang menyebabkan kerosakan kepada kenderaan di lebuh raya PLUS. Kerosakan itu boleh dituntut, boleh kita buat tuntutan. Ini pun baru saya tahu. Dan soalan saya kenapa perkara begini tak diberitahu kepada umum?

Y.B. Dato' Speaker : Ini cerita baru ni. Yang terhormat nak jawab?

Y.B. Datuk Haji Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : Dia langgar apa-apa objek, boleh buat tuntutan Yang Berhormat Dato' Speaker. Tapi perkara ini tidak diberitahu kepada umum, yang perkara ini memang ada termaktub dalam...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat macam jawab soalanlah.

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : Soalan saya kenapa tak beritahu kepada umum. Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Minta, saya minta ulang, tolong ya. Tak berapa dengar, tadi, tak dapat.

Y.B. Dato' Speaker : Tak dia kata ada boleh ganti, kalau rosak. Kita boleh *claim*, kenapa tak beritahu orang ramai.

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : Ya.

Y.B. Dato' Speaker : *Claim* tu boleh tuntutan, kalau rosak.

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : Soalannya begini ya Yang Berhormat EXCO. Jika kita menggunakan Lebuhraya PLUS dan jika kita melanggar apa juga objek contohnya kayu ataupun tayar, selalu tayar apa ni, tayar celup yang boleh

menyebabkan kerosakan kepada kenderaan. Saya difahamkan, apa juga kerosakan itu kita boleh buat tuntutan di pejabat PLUS. PLUS akan membayarnya segala kerosakan. Tetapi sayangnya benda ni, perkara ini saya pun baru tahu dan selama hari inilah dah belas tahun lebu rayanya itu, kenapa perkara ini tak diumumkan kepada *public*.

Y.B. Dato' Speaker : *I see.*

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Saya ingat perkara ini banyak menimbulkan hal-hal insurans, dan satu juga ini, kalau YB dah maklum bermakna kalau kita menggunakan PLUS dan kalau ada apa-apa kemalangan berlaku disebabkan oleh kecuaihan pihak yang tertentu, kemungkinan besarnya mungkinlah boleh kita buat *claim* ataupun tuntutan pada pihak yang bertanggungjawab iaitu konsesi berkenaan tetapi walau bagaimanapun untuk kes-kes macam gini saya ingat, YB baiklah gunakan khidmat peguamlah ya, cari peguam,.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Encik Goh Tee Tee, jemput.

Y.B. Encik Goh Tee Tee (Tangkak) : Yang Berhormat Dato' Speaker, Soalan Nombor 3.

Benarkah bilangan Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) di seluruh Negeri Johor dan apakah pra syarat untuk menjadi pengusaha Kedai Rakyat 1Malaysia?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Yang Berhormat Dato' Speaker, terdapat 30 Kedai Rakyat 1Malaysia di seluruh Malaysia dan di Negeri Johor kita ada 3 kedai Rakyat 1Malaysia iaitu :

1. Di Taman Bukit Pasir, Muar yang telah beroperasi pada 5 Disember tahun lepas;
2. Di Pusat Perniagaan Square, Taman Johor Jaya yang telah pun beroperasi pada 6 Disember tahun lepas dan;
3. Di Kompleks Pekan Rabu, Tampoi yang beroperasi pada 20 Disember tahun lepas.

Ketiga-tiga Kedai Rakyat 1Malaysia adalah di bawah Modul 1 dan pada 2 Februari tahun ini, Yang Berhormat Dato' Seri Menteri di dalam Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan telah melancarkan Modul 3 pelaksanaan Kedai Rakyat 1Malaysia. Di bawah Modul ini, mana-mana syarikat, koperasi ataupun individu yang ingin menjadi pengusaha Kedai Rakyat 1Malaysia adalah dibenarkan dan tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

1. Perniagaan perlu didaftarkan di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).
2. Pemilikan perniagaan adalah 100% ekuiti saham ataupun milik warganegara Malaysia.
3. Keperluan modal minimum dalam bentuk tunai, *bank guarantee* ataupun lain-lain instrumen kewangan bagi kedai saiz premis 1,500 kaki persegi adalah RM460,000.00

dan bagi kedai yang saiz premis 3,500 kaki persegi ia memerlukan modal RM650,000.00. Penentuan lokasi serta keluasan premis Kedai Rakyat 1Malaysia akan dimuktamadkan oleh pihak kerajaan. Terima kasih. (Dewan bertepuk).

Y.B. Dato' Speaker : Ok. Senai.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Memandangkan cuma wujud tiga buah kedai 1Malaysia di seluruh Johor, maka sama ada mencukupi atau tidak, Johor ada rakyat tak kurang daripada 2 juta, jadi saya nak tanya, sama ada ini wujudnya oleh pihak kerajaan BN Kedai Rakyat 1Malaysia ini, cuma satu strategi ataupun kempen publisiti murahan sahaja untuk mendapat memancing undi-undi menjelang pilihan raya yang akan datang, yang ke-13 ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Yang Berhormat Dato' Speaker, ini memang pembangkang biasa dia ada tafsiran yang lain. (Dewan bertepuk). Sebenarnya, tujuan kita wujudkan Kedai Rakyat 1Malaysia sebenarnya untuk kita mengurangkan beban rakyat mungkin dari segi kos sara hidup pada masa ini kerana dengan wujudnya Kedai Rakyat 1Malaysia, yang ada 250 produk barangan keperluan di mana ia dapat menjimatkan kos 20% hingga 30% purata di mana dengan penjimatan kos seperti *labour* dia, pengiklanan sebab kerajaan telah pun buat pengiklanan dan dengan cara ini dapat kita kurangkan kos dan ini boleh menawarkan harga produk barangan keperluan kepada rakyat. Saya ingin mengingatkan di sini, walaupun ini skim baru kita mulakan pada tahun yang lepas pada bulan Jun dan kita ada sasaran di mana selain daripada di Peringkat Pertama Modul 1 dioperasikan oleh Mydin Holding Bhd.

So, kalau bagi kedai-kedai yang sedia ada, mereka juga boleh memohon untuk mendapat kita jual barang keperluan 1Malaysia ini, ataupun di bawah Skim Modul 2. Saya sebentar tadi, Kementerian telah pun melancarkan pada Februari tahun ini, iaitu mengatakan Modul Ke-3 di mana kedai-kedai baru kalau minat untuk mewujudkan Kedai Rakyat 1Malaysia ini dengan harga barangan yang lebih murah dan boleh tawar kepada pembeli ataupun pengguna dengan harga yang lebih murah, ini tujuan utama kerajaan. Dan selain daripada itu, sebenarnya ada lagi satu Skim dipanggil Program Tukar juga untuk membantu peruncit-peruncit ataupun kedai-kedai runcit untuk dia memodenkan kedai mereka dan dengan cara itu mereka juga boleh menjual barangan 1Malaysia ini dengan harga yang lebih murah. Dan ini hasrat murni kerajaan, saya harap semua pihak akan terima dan memberi sokongan kepada konsep yang kita tawarkan. Sekian, terima kasih. (Dewan bertepuk)

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Sungai Abong.

Y.B. Dr. Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sg. Abong) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Satu tujuan yang baik tapi mungkin dari segi implementasinya saya rasa kurang berkesan dalam membantu meringankan beban rakyat untuk mengisyiharkan harga barang yang mahal. Apakah rasionalnya dengan kerajaan terpaksa mengenakan peraturan bersyarat untuk menubuhkan kedai-kedai baru dan sebagainya? Apa salahnya kalau kita tawarkan bahan-bahan ini kepada semua kedai-kedai peruncit di luar-luar bandar, tak payah nak di *upgraded*, nak

bermodalkan yang baru? Kita seperti satu apa ni, semua kedai-kedai dalam negara kita ini diizinkan menjual barang-barang ini kepada rakyat. Saya rasa lebih rasional untuk membantu rakyat...

Y.B. Dato' Speaker : Takut kita tak cukup modal Yang Berhormat. Modal dia besar tu.

Y.B. Dr. Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sg. Abong) : Saya rasa Yang Berhormat Dato' Speaker tak perlu, kerana kedai-kedai peruncit ini dia pun terpaksa membeli barang-barang dia daripada pemborong-pemborong. Jadi kita ubah sahajalah, dengan mengizinkan, membenarkan kedai-kedai peruncit ini membeli barang-barang 1Malaysia ini untuk dijual kepada kedai-kedai mereka di mana-mana sahaja dalam Negara kita ini. Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam pasaran bebas ini kita tidak boleh paksa kepada mana-mana peniaga untuk jual barangan yang saya sebutkan tadi. Dan saya juga sebutkan tadi, ini memang terbuka untuk permintaan semua kedai yang boleh ataupun ingin menjual barangan 1Malaysia ini. Bawa tiga modal ini, modal pertama sebab ia di peringkat permulaan di mana dia dijalankan oleh pihak Mydin Holdings Sdn. Bhd tetapi peringkat kedua kedai-kedai yang sedia ada kalau dia ingin menjual barangan keperluan 1Malaysia dibenarkan, ini dibenarkan. Kita tak paksa kedai-kedai yang rasa tak nak jual mungkin di pihak pembangkang pun akan beritahu rakan-rakan kata ini tak wajar dan sebagainya. Kita tak paksa tetapi kita buka peluang ini kepada semua kedai-kedai runcit. Dan peringkat ketiga pun saya sebutkan tadi di modal 3, ia kepada kedai-kedai baru kalau nak ingin jual produk 1Malaysia dengan harga yang lebih murah, kita benarkan. So, tak ada paksa, kemudian kita tak ada larangan kepada siapa-siapa yang rasa perlu jual cuma lokasi itu akan dicadangkan oleh pihak kerajaan supaya ia lebih sesuai dan kepada pasaran dan sebagainya. Ia menjamin supaya kedai itu boleh, benar-benar boleh *survive* ataupun benar-benar boleh menjalankan perniagaan mereka. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Saya nak tahu ni, Kedai 1Malaysia biasanya yang sokong Kedai 1Malaysia memang orang menyokong Barisan Nasional, Parti Pembangkang dia orang pun ingin nak masuk, tapi segan. Ini macam mana mengatasi masalah ini sebab mereka memang nak masuk tapi cara supaya tak nampak, orang tak nampak. Ini saya rasa mereka ada masalah ini dalam *psychology effect*. Sekian, terima kasih (Dewan ketawa).

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, Yang Berhormat nak soal apa?

Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) : Soalan saya macam mana cara supaya parti pembangkang, penyokong parti pembangkang boleh masuk dengan cara terang dan kita tidak bagi komen negatif.

Y.B. Dato' Speaker : Itu soalan baru ke? Yang Berhormat, nak jawab? (Dewan ketawa).

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Yang Berhormat Dato' Speaker, walaupun tiada soalan, tapi jawapannya mungkin saya tambah sedikit sahaja. Sebab dari segi mungkin sikap sesetengah pihak untuk kita lihat satu gambaran yang lebih besar kerana segala usaha pihak Kerajaan Barisan Nasional untuk memudahkan ataupun meringankan beban kepada rakyat, termasuklah wang bantuan 1Malaysia pun tetapi kalau pihak-pihak yang tertentu memikirkan ini satu usaha yang tak begitu boleh diterima, itu terpulang kepada tafsiran mereka. Tapi saya rasa rakyat Malaysia pada keseluruhanlah akan terima dan mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Barisan Nasional (Dewan bertepuk) yang memberi banyak bantuan kepada rakyat. Sekian , terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Skudai.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Soalan tambahan ekor soalan yang dibawa oleh Parit Yaani. Maksud beliau adalah ... Itu soalan tambahan saya. Majoriti orang Malaysia tidak membeli belah di Kedai 1Malaysia. Mereka lebih menggemari Tesco, Jusco dan sebagainya. Adakah mereka dikatakan kurang setia taat pada negara kita?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Yang Berhormat Dato' Speaker, itu pun nampak tidak ada soalan. Sebab tak ada siapa kata dia tak taat setia pada negara. Apa yang saya sebutkan tadi, ini adalah pilihan. Kalau masuk ke hypermarket lain pun, ini terpulang kepada pilihan pengguna. Kalau mereka rasa Tesco lebih murah ataupun Giant lebih murah ataupun mana-mana kedai yang lebih murah, Kedai 1Malaysia ni merupakan satu pilihan tambahan kepada rakyat ataupun pengguna untuk memilih barangan mereka. So, tak ada tentang taat setia dan sebagainya. Saya cuma kata usaha murni kerajaan perlu dihormati ataupun ini bagi bantuan kepada rakyat, so fikiran dalam rakyat khususnya pihak-pihak tertentu sahaja yang perlu kita ubah supaya segala usaha murni kerajaan patutlah kita hargai dan ucapkan terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Encik Cheong Chin Liang, jemput.

Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu): Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 4.

Sila nyatakan langkah-langkah proaktif kerajaan dalam mengatasi masalah lalat-lalat di dalam Negeri Johor?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Asas Tani : Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk makluman Yang Berhormat ADUN Bukit Batu, masalah lalat khususnya yang berpunca dari ladang-ladang unggas sudah lama berlaku di Negeri Johor. Ianya disebabkan oleh sebahagian daripada pengusaha-pengusaha tidak mempraktikkan amalan baik penternakan ataupun dengan izin *good animal husbandry practices*. Tinja ayam tidak di bersihkan atau dirawat menjadi tempat membiak lalat. Lalat-lalat dewasa dari ladang ayam mahu pun yang menetas daripada *pupae* pada tinja yang dikeluarkan dari ladang dijual atau dibuang di kawasan kebun-kebun dan

perladangan itu bertempiran menyerang kawasan persekitaran setiap kali ayam mencapai umur untuk dipasarkan. Kerajaan menerusi Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor telah menyediakan satu pelan komprehensif untuk membasmi lalat-lalat di tempat punca ataupun dengan izin, *at source* dan telah mengemukakan cadangan tersebut kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada bulan Februari lepas dan telah diluluskan.

Dalam pelan tersebut adalah dirangka untuk mencapai matlamat Negeri Johor bebas dari kacau ganggu lalat yang berpunca dari ladang-ladang penternakan unggas ini menjelang Disember 2013.

Empat Strategi utama digariskan dalam pelan tersebut :

1. Meningkatkan keberkesanan pengurusan tinja di ladang-ladang unggas.
2. Mempergiatkan penguatkuasaan Enakmen Kawalan dan Penternakan Unggas sedia ada.
3. Mentransformasikan sistem perladangan kepada reban tertutup.
4. Memastikan aplikasi teknologi pengawalan dan pembasmian lalat secara berkesan dan berterusan diamalkan oleh penternak.

Seterusnya pendekatan yang akan digunakan di dalam pelan tersebut ialah:

1. Meningkatkan pengetahuan dan kesedaran pengusaha dan orang awam menerusi kempen, bengkel-bengkel dan seminar.
2. Menggalakkan perkembangan industri pemprosesan tinja yang dapat menyerap kesemua tinja dihasilkan oleh ladang-ladang ayam.
3. Mewujudkan pasukan khas, dengan izin, *Rapid Action Team* singkatannya RAT di bawah Jabatan Veterinar bagi memantau penternak secara agresif terhadap keakuran dan pematuhan syarat-syarat lesen menternak unggas yang dikeluarkan oleh jabatan.
4. Menggalakkan penduduk setempat melibatkan diri dalam usaha membasmi lalat dan turut terlibat memantau dan memaklumkan kepada jabatan, ladang-ladang yang menimbulkan masalah kacau ganggu dan dengan menubuhkan persatuan-persatuan prihatin masalah lalat.
5. Mengeluarkan lesen bagi permohonan baru hanya kepada projek yang menggunakan sistem reban tertutup sahaja.
6. *Transfer of Technology* dengan betul dan berkesan.

Seterusnya pelan ini bila dilaksanakan nanti akan menghasilkan *outcome* berikut:

1. Penternak mengamalkan amalan penternakan baik.
2. Kesemua tinja dihasilkan dari ladang-ladang ayam yang dirawat dan diproses kepada baja organik dan lain-lain produk.
3. Penternak mempunyai disiplin tinggi, mematuhi semua syarat-syarat lesen menternak unggas.
4. Sistem perladangan bertukar kepada sistem reban tertutup dan diurus dengan baik mencapai gred A dan B.

Daripada impak program ini ialah Perladangan Unggas Negeri Johor adalah mampan, mesra alam dan penduduk mempunyai imej yang baik serta lestari. Tiada lagi masalah kacau ganggu lalat berpunca dari ladang-ladang unggas.

Y.B. Dato' Speaker : Ok. Bukit Batu.

Y.B. Cheong Chin Liang (Bukit Batu) : Terima kasih Yang berhormat Dato' Speaker. Masalah lalat tu saya rasa masalah bermusim sebab tu nampaknya musim lalat dah berlalu. Tetapi, saya rasa untuk kawasan yang dekat dengan kegiatan pertanian seperti penanaman sayur-sayuran, buah-buahan seperti durian dan juga penternakan unggas seperti kontrak *farm* yang dekat dengan kawasan khususnya akan mendatangkan banyak masalah lalat tu termasuklah di kawasan *Johor Premium Outlet* yang juga terkenal dengan masalah lalat juga. Sebab tu saya ingin tahulah sama ada kerajaan akan membuat kajian di mana tempat-tempat lalat akan berkumpul dalam kawasan Negeri Johor ni. Sebab saya rasa bukan sahaja di Daerah Kulaijaya yang ada banyak lalat tetapi juga yang di daerah-daerah yang lain juga penuh dengan masalah ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Asas Tani : Yang Berhormat Dato' Speaker, memang kawasan-kawasan lalat ini banyak bertumpu di tempat-tempat penternakan unggas ini dan apa yang disebutkan di kawasan JPO memang terdapat beberapa reban di sekeliling *Johor Premium Outlet* dan pihak Jabatan Veterinar telah mengenal pasti dan telah mengambil tindakan dan hari ini *Johor Premium Outlet* pun pada dasarnya sudah tidak mempunyai masalah lalat lagi setelah Jabatan mengambil tindakan. Dan, seperti dimaklumkan pihak kerajaan telah mengenal pasti beberapa tempat yang menjadi punca masalah lalat di Negeri Johor ini khususnya di kawasan Machap dan juga kawasan Yong Peng. Dan, kini pihak Jabatan Veterinar telah mengambil tindakan dan seterusnya seperti yang saya sebutkan tadi pelan menjelang Disember 2013 ini, insya-Allah akan berjaya dan Johor akan bebas lalat.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Machap.

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman (Machap) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Kawasan saya kawasan lalat Dato' Speaker. Kerana dalam DUN saya lebih kurang 6 juta ekor ayam satu pusingan. Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mengalu-alukan di atas program. Jadi, program yang mana dinyatakan bahawa Disember 2013 akan selesai masalah lalat. Jadi, saya harap, harap benar program itu dapat menepati kerana Yang Berhormat Dato' Speaker, hari ini kadang-kadang kita tengok reban-reban ayam yang ada ini, bila kata Pegawai Veterinar masuk periksa, dia cuma keluarkan kompaun sahaja. Kompaun paling tinggi RM1,000.00. Jadi, RM1,000.00 bila-bila masa sahaja apa ini, pengusaha-pengusaha ayam ni boleh bayar. Jadi saya ingin tahulah sebab apa masalahnya dah berlanjutan. Ada tak di kalangan berapa kali kena kompaun kena tutup. Jadi, saya minta kalau supaya membuat penguatkuasaan secara tegas. Bila kata kompaun 3 kali, ataupun pun 2 kali, lain tak ada pilihan, tutup setahun ke dua tahun supaya benda tu dapat di *updatekan* semula. Jadi, saya mintalah supaya perkara-perkara ini kerana saya jumpa pengusaha yang pekebun-pekebun, dia kata apa peduli, bila bayar kompaun RM1,000.00 bila-bila masa. Lebih baik kita bayar kompaun daripada apa ni, nak

ikutkan prosedur ataupun peraturan. Jadi saya minta adakah kajian semula berhubung dengan penguatkuasaan ataupun bentuk tindakan yang lebih tegas dalam usaha-usaha nak mengatasi masalah yang boleh kacau ganggu seluruh penduduk di dalam Negeri Johor. Terima kasih Dato' Speaker.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Dato' Speaker, mengenai pandangan ataupun soalan daripada Machap memang telah ada program untuk membuat penguatkuasaan yang lebih ketat.

1. Pihak jabatan telah mengambil satu pendekatan iaitu menutup ladang-ladang yang di dalam kategori kelas E. Kelas E ni maknanya ladang-ladang yang tidak menepati ataupun mengikut piawaian yang ditetapkan dalam Enakmen Kawalan dan Perlesenan ladang penternakan unggas ini.
2. Pihak Jabatan Veterinar dengan pelan eliminasi lalat ini. Pihak Jabatan Veterinar akan membuat lawatan lebih kerap boleh dikatakan setiap bulan. Pihak jabatan juga akan menambahkan bilangan pekerja untuk memantau secara lebih agresif. Dan dalam pemantauan ini, selepas daripada kompaun pertama seterusnya akan di bawa tindakan ke mahkamah. Kalau selama ini tindakan mahkamah agak berkurangan selepas ini akan diadakan tindakan mahkamah untuk supaya penternak-penternak ini dapat membuat pematuhan kepada undang-undang. Dan sekiranya terus mereka ingkar, maka tindakan ialah menutup ladang. Dan ini sedang dalam proses, dalam pelan eliminasi lalat Negeri Johor. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Parit Yaani.

Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin nak tahu, memang kita ada undang-undang untuk mengawal supaya penternak ini mengikut undang-undang tetapi sehingga hari ini berapa penternak sudah ditutup. Satu atau dua atau sepuluh? Kita nak tahu berapa atau kosong? Ini nak tahu berapa penternak yang kena ambil tindakan untuk ditutup kerana tidak mengikut peraturan. Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Untuk makluman, bilangan yang ditutup tidak ada pada saya tetapi tindakan telah diambil untuk menutup ladang-ladang yang berkategori E. Kita ada banyak Kategori A, B, C, D, E, lima kategori. Maknanya kategori E ini memang amat menyedihkan dan tidak menepati piawaian. Dan ini, dalam proses eliminasi ni, kita sedang dalam proses menutup ladang-ladang yang tidak menepati piawaian.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Tuan Haji Ja'afar bin Hashim, jemput.

Y.B. Tuan Haji Ja'afar bin Hashim (Senggarang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 5.

Pembangunan Sukan di daerah Batu Pahat dilihat masih di tahap yang rendah terutamanya pencapaian atlet-atlet di SUJOR 2011 (Sukan Johor) baru-baru ini.

Apakah daya inisiatif yang diambil di peringkat Kerajaan Negeri di dalam membangunkan Pembangunan Sukan di daerah Batu Pahat?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Yang Berhormat Dato' Speaker, satu ketika dulu, Batu Pahat merupakan antara daerah yang telah melahirkan atlet-atlet bertaraf antarabangsa seperti Malek Noor, Sazali Samad.

Y.B. Dato' Speaker : Hah...Malek Noor? Baru kahwin dia...

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan: Untuk sukan bina badan, M.Kumaresan, basikal dan lain-lain lagi. Walau bagaimanapun, keadaan itu tidak berlaku pada hari ini disebabkan :

1. Persatuan Sukan Daerah yang tidak aktif. Di mana persatuan-persatuan sukan di Daerah Batu Pahat tidak bergerak dengan aktif, malah terdapat persatuan-persatuan yang telah terbatal pun pendaftarannya. Dan, pemimpin persatuan juga gagal melaksanakan program-program pembangunan sukan yang efisien.
2. Kekurangan penggerak-penggerak sukan. Kekurangan penggerak-penggerak sukan yang komited dan berwibawa juga telah menyumbang kepada kemerosotan perkembangan sukan di Daerah Batu Pahat dan kebanyakan persatuan ini masih dikuasai kepimpinannya oleh mereka-mereka yang telah berusia.

Antara langkah-langkah untuk membantu perkembangan sukan di Daerah Batu Pahat, pihak Majlis Sukan Negeri Johor akan mengadakan:

1. Mengisi kekosongan jawatan Setiausaha Kerja, Majlis Sukan Daerah Batu Pahat.
2. Mengadakan program-program pembangunan atlet dengan menubuhkan pusat-pusat latihan yang sesuai dan berpotensi dengan syarat ada kerjasama daripada persatuan ataupun penggerak sukan di Daerah Batu Pahat.
3. Menyalurkan bantuan yang sewajarnya melalui Majlis Sukan Daerah Batu Pahat bagi tujuan melaksanakan program-program pertandingan sukan di peringkat Daerah Batu Pahat.
4. Membantu mengadakan kursus-kursus kejurulatihan dan kepimpinan sukan di Daerah Batu Pahat.

Di samping itu, Majlis Sukan Negeri Johor melalui Majlis Sukan Daerah-Daerah akan mengambil langkah-langkah yang sesuai khusus untuk melakukan transformasi kepimpinan persatuan-persatuan sukan di daerah bagi mengenal pasti penggerak-penggerak muda yang lebih komited dan berwibawa dalam membantu usaha-usaha penggerak sukan termasuklah untuk Daerah Batu Pahat.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Senggarang.

Y.B. Tuan Haji Ja'afar bin Hashim (Senggarang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, Soalan tambahan saya, sepertimana yang telah dijelaskan tadi, bahawa memang ramailah di kalangan tokoh-tokoh ataupun maknanya atlet-atlet sukan di Daerah Batu

Pahat ini yang pernah mengharumkan nama Negara. Tetapi dalam SUJOR tahun 2011 baru-baru ini memang saya lihat amat menyedihkan kerana :

1. Begitu banyak kekurangan dari segi prasarana sukan dan;
2. Saya ingin tanyakan di sini tidak ada usaha untuk diberikan motivasi ataupun pendedahan kepada persatuan ataupun atlet-atlet ini supaya mereka lebih bersemangat untuk terus mencipta kejayaan di masa akan datang.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Yang Berhormat Dato' Speaker, soal pendedahan atlet ini untuk membina atlet yang cemerlang, pertama sekali, yang paling utama ialah persatuan itu sendiri. Persatuan sepatutnya ada inisiatif untuk mengetengahkan atlet-atlet yang berada di bawah. Dan pendedahan ini pula, kita boleh melalui kejohanan-kejohanan yang dianjurkan. Pertama, kalau di peringkat Majlis Sukan Negeri Johor, kita ada kejohanan sepertimana yang disebutkan Yang Berhormat tadi ialah Kejohanan Sukan Johor. Kita juga ada sukan JPMM, Sukan Korporat, Badan-Badan Korporat yang mengambil bahagian.

Selain daripada itu juga, di peringkat Jabatan Pelajaran, kita boleh dedahkan atlet-atlet kita melalui sukan-sukan yang diadakan di peringkat daerah, kita ada Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Daerah, Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Peringkat Negeri (MSSJ) dan seterusnya kalau dia meningkat dan berupaya mewakili negeri, mereka boleh tampil untuk mewakili ke peringkat Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia.

Dan, yang ketiga, pihak persatuan sendiri sebenarnya boleh juga menganjurkan kejohanan untuk kita ketengahkan atlet-atlet di bawah jagaan kita. Dan di peringkat Majlis Sukan Negeri Johor, boleh membantu dari segi bantuan penganjuran yang sewajarnya. Saya bagi contoh di Batu Pahat, kita ada Lapang Sasar Menembak Batu Pahat yang mana ini adalah inisiatif daripada Persatuan Menembak Negeri Johor, yang mana tanah itu adalah milik Persatuan dan dengan usaha yang dilakukan oleh persatuan dengan sokongan daripada Majlis Sukan Negeri dapat pembiayaan daripada Majlis Sukan Negara untuk jadikan pusat menembak.

Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Speaker, 80% daripada atlet yang mewakili Negeri Johor khususnya dalam SUKMA adalah mereka-mereka yang datangnya daripada Lapang Sasar Menembak di Batu Pahat ini. Jadi, sekiranya persatuan yang terlibat ada inisiatif untuk menggerakkan, saya percaya Daerah Batu Pahat akan dapat melahirkan lebih ramai lagi atlet-atlet yang kita boleh ketengahkan untuk mewakili Negara.

Selain daripada itu, selain daripada pendedahan bagi kejohanan, pendedahan lain, Majlis Sukan Negeri boleh membantu melalui kursus-kursus yang berkaitan dengan Sains Sukan dan juga kursus-kursus yang berkaitan dengan kejurulatihan.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Encik Ng Lam Hua, jemput.

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : Tuan Speaker, Soalan nombor 6.

Projek Perumahan terbengkalai di Negeri Johor agak banyak dan pembeli rumah terpaksa menanggung kerugian. Bolehkah memberi satu senarai di mana projek-projek yang terbengkalai di Negeri Johor dan apakah tindakan yang sedang atau akan diambil?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, sebagai latar belakang projek rumah terbengkalai ini adalah projek-projek yang tidak siap, tidak diiktiraf dan diletakkan sebagai terbengkalai.

1. Projek yang tidak siap dalam atau luar tempoh perjanjian jual beli dan tiada sebarang aktiviti yang ketara di tapak pembinaan selama 6 bulan secara berterusan; atau
2. Petisyen Pengguguran telah didaftarkan di Mahkamah Tinggi di bawah Seksyen 218 Akta Syarikat 1996; atau
3. Syarikat diletakkan di bawah Pegawai Penerima dan Pengurus ataupun *Receiver and Manager*.
4. Pemaju mengakui tidak berupaya untuk menyediakan secara telus keperluan kepada Pegawai Perumahan.
5. Disahkan projek terbengkalai oleh Menteri Perumahan di bawah Seksyen 11(1) (C) Akta Pemaju Perumahan, Kawalan dan Perlesenan ataupun Akta 118.

Yang Berhormat Dato' Speaker, terdapat 12 buah projek perumahan terbengkalai yang melibatkan sebanyak 4,616 unit rumah kediaman di bawah senarai Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan di seluruh Negeri Johor ini sehingga Januari 2012. Pecahan projek berikut ialah:

1. Taman Cahaya Kota Puteri, Plentong yang melibatkan 356 unit. Kedudukannya ialah projek ini telah diambil alih oleh Maha Builders Sendirian Berhad sebagai pemaju penyelamat yang dilantik oleh KPKT dan kerja-kerja pemulihan sedang dijalankan.
2. Taman Seri Baiduri, Johor Bahru yang melibatkan 210, projek ini telah diambil alih oleh Infra Rancak Sendirian Berhad yang dilantik juga oleh KPKT dan kerja-kerja pemulihan juga sedang dijalankan.
3. Taman Desa Larkin, Johor Bahru, Fasa 1A, 1C, 1D dan 1E yang melibatkan 1,854 unit. Projek ini telah diambil alih oleh Cemerlang Land Sendirian Berhad juga dilantik oleh KPKT dan kerja-kerja pemulihan sedang dijalankan.
4. Taman Mewah Jaya Plentong, ini Kong Sun Construction. Kerajaan Negeri akan berbincang dengan KPKT bagi diambil tindakan penyelesaian. Ini melibatkan 163 unit.
5. Taman Tangkak Emas Ledang Fasa 2, Koleksi Asli Sdn. Bhd. pemajunya, 60 unit. Projek ini sedang diambil alih oleh SPNB dan kerja-kerja pemulihan sedang dijalankan.
6. Taman Seri Nilam, Tangkak, 145 unit. KPKT telah memaklumkan bahawa projek ini dipulihkan melalui peruntukan Bajet 2012 dan pihaknya sedang membuat pemilihan pemaju penyelamat yang telah memasuki tender pada bulan Februari tahun ini. Kerja-kerja pemulihan dijangka bermula pada pertengahan tahun ini.

7. Taman Seri Emas Tujuh, Sungai Mati, Muar. Projek ini akan diambil alih oleh pemaju Mah Sing Properties selaku pemaju penyelamat sebagaimana yang telah dipersetujui oleh MMK pada 16 November tahun lepas melalui pembiayaan yang di perolehi daripada pulangan pada Kerajaan Negeri.
8. Bandar Putera Indah, Batu Pahat. Ini projek yang dirasmikan oleh Anwar Ibrahim. Jasa Vista Sdn. Bhd. 742 unit. Pihak pemaju sedang dalam proses mengenal pasti masalah-masalah teknikal berkaitan projek ini untuk dipulihkan.
9. Taman Jasa Amir, Batu Pahat, Tuah Bakti Sendirian Berhad, 60 unit, pihak pemaju penyelamat yang dilantik oleh KPKT ialah Syarikat Perumahan Negara Berhad dan pihak SPNB sedang berbincang dengan pihak Malaysian Building Society Berhad ataupun MBSB selaku pemegang gadaian ke atas isu tanah.
10. Taman Emas Suria, Batu Pahat, 55 unit. KPKT memaklumkan projek ini akan dimasukkan dalam Rolling Plan Ketiga, Rancangan Malaysia Ke-10 pada tahun 2013 untuk dipulihkan.
11. Taman Mengkibol, Kluang, 440 unit, projek ini diambil alih oleh KSL Development selaku pemaju penyelamat yang dilantik oleh KPKT.
12. Taman Seri Layang-Layang, Kluang, 113 unit. Proses perbincangan untuk cadangan pemuliharaan sedang dijalankan oleh KPKT dengan pembeli-pembeli rumah berkaitan dengan cadangan pemulangan wang deposit kepada pembeli-pembeli yang telah membuat pembayaran kepada pemaju.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Datuk Haji Ayub bin Rahmat (Kemelah) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Merujuk kepada pembentangan ataupun penerangan yang dibuat oleh EXCO Perumahan yang berkaitan tentang projek terbengkalai Negeri Johor, di kawasan saya ada satu projek perumahan terbengkalai yang dinamakan Taman Tunku Abdul Rahman. Dalam dua persidangan yang lepas, saya telah pun menanyakan tentang status projek ini dan EXCO Perumahan telah mengatakan bahawa projek perumahan ini telah pun dimasukkan dalam kategori projek terbengkalai. Kenapa dalam jumlah 12 ini, projek ini tidak termasuk sedangkan ianya telah pun lama dan tidak berlaku operasi lagi.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk menentukan projek ini projek terbengkalai, saya dapat yang terakhir senarai daripada KPKT ialah projek-projek perumahan, yang dimaksudkan oleh ADUN itu, saya minta maaf, senarai terakhir ini memang tidak ada dalam senarai projek rumah terbengkalai. Saya akan semak nanti dalam kedudukan yang terkini.

Y.B. Dato' Speaker : Ha.. Ok, Senai.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Masalah projek perumahan terbengkalai ini adalah telah berlarutan banyak tahun. Jadi saya nak tanya, saya merasai masalah ini akan berpanjangan daripada sekarang kepada satu masa ke hadapan. Jadi, apakah langkah-langkah yang boleh diambil oleh kerajaan supaya memastikan memberi jaminan kepada para pembeli masalah ini tidak akan wujud lagi. Masalah yang terdahulu tak kesah, tetapi masalah hadapan

itu, kepentingan para pembeli hartanah tidak terjamin. Saya juga berpendapat bahawa syarat-syarat agak longgar yang ditetapkan oleh Kementerian Perumahan. Yang mana, syarikat pemaju dengan *paid-up capital* dengan izin, modal berbayar tak sampai RM100,000.00 pun boleh diberikan kelulusan untuk memajukan projek perumahan. Di samping itu juga, terdapat jumlah defisit yang di salur kepada Kementerian Perumahan, tak sampai RM1 juta, satu masa dahulu adalah RM200,000.00. Sekarang ditingkatkan kepada RM1 juta, cukup tak? Sama ada deposit duit ini boleh dibayar kepada para pembeli yang kian menderita oleh kerana kena membayar faedah atas pinjaman wang kepada bank. Sekian.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, ADUN Senai ini banyak mengkritik kerajaan sahaja. Dia nak lihat tentang rumah-rumah terbengkalai ini. Kita semua maklum, kita punya ekonomi *is a free enterprise*, terbukakan. Dari segi perundangan yang disebutkan itu, saya nak memaklumkan bahawa dari segi perundangannya pihak KPKT pun sekarang sedang meneliti semula undang-undang yang ada untuk memperbaiki lagi undang-undang itu supaya dapat mengurangkan mungkin, daripada banyak sangat rumah projek terbengkalai yang berlaku di negara kita termasuk di Johor.

Tetapi saya nak ingatkan juga ADUN yang berkenaan bahawa kita kena tengok juga pada pemaju yang berkenaan. Soal integriti pemaju, soal keikhlasan dia, soal cara dia berniaga, kenapa dia gagal dalam menjalankan projek itu, mesti ada sebab-sebab yang tertentu. Dan, selalunya kalau kita lihat, ialah kadang kala pemaju ini dia terlalu *over ambitious*, besar sangat, cepat sangat nak buat projek. Dan oleh itu dia melibatkan *cash flow* dia terganggu. Dan oleh kerana itu, projek itu gagal dan akhirnya pembeli yang tersepit dalam hal ini. Kita terima banyak kes di mana bayaran bulanan telah dijalankan tetapi rumah tak siap-siap juga, saya faham. Kita kena tengok juga pemaju-pemaju ini. Kenapa pihak swasta ini selalunya kerana terlalu mementingkan keuntungan menganiayai *consumers*, ini yang paling mustahak, pembeli, dengan izin.

Dan, kita faham bahawa permasalahan ini memang wujud dan sebab itulah dalam hal ini kerajaan sentiasa berusaha bukan sahaja pihak KPKT termasuk juga Kerajaan Negeri mencari *white night* dengan izin, pemaju-pemaju yang lain yang sanggup masuk untuk membangunkan semula projek-projek yang terbengkalai ini. Dengan syarat-syarat *win-win situation* lah, menang-menang supaya projek terbengkalai seperti ini dapat kita pulihkan. Kerjasama Ahli Yang Berhormat semua dialu-alukan kalau kita boleh dalam kawasan kita kalau ada projek yang terbengkalai, kalau ada pihak tertentu yang datang hendak membangunkan projek tersebut dengan syarat-syarat yang munasabah kita sentiasa terbuka untuk memberikan pertimbangan Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Ok dah habis soalan lisan. Sekiranya ada soalan yang disenaraikan belum dijawab secara lisan akan dijawab secara bertulis dalam persidangan yang sama.

Jurutulis : SOALAN-SOALAN BERTULIS.

Jawapan kepada soalan-soalan bertulis oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat ada dibentangkan di atas meja mesyuarat.

Y.B. Dato' Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, bersama kita ini ada rombongan daripada murid-murid Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Putera, Segamat. Ada 43 orang, termasuk cikgu 5 orang.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya ada menerima Rundingan Tergempar daripada Yang Berhormat Dr. Boo Cheng Hou dari DUN Skudai mengenai :-

1. Pengutipan Tol EDL dan Tol KIK Iskandar;
2. Penjualan Saham Tebrau Teguh Berhad kepada Iskandar Waterfront Holding Berhad.

Setelah melihat dan mengkaji di bawah Peraturan 30 (02), maka dengan ini saya menolak rundingan tersebut. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa perkara ini akan diberikan perhatian untuk diselesaikan dengan sebaiknya dalam masa tidak berapa lama lagi semasa berucap di perjumpaan rakyat di Skudai tempoh hari. Atas permintaan daripada Wakil Rakyat dan juga penduduk-penduduk yang hadir, jadi Yang Amat Berhormat telah menjelaskan perkara ini insya-Allah tak berapa lama lagi. Dan yang kedua berkaitan dengan makluman penjualan saham. Dia dalam peraturan hanya satu rundingan yang dibenarkan dibawa. Tetapi Yang Berhormat telah menghantar dua rundingan itu pun saya tengok juga dan saya dapati perkara ini pun tidak menepati dan benda ini ada dalam soalan lisan. Yang Berhormat pun ada menyebutkan soalan yang sama. Dengan sebab itu saya menolakkan permohonan ini. Jemput.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker...

Y.B. Dato' Speaker : Ya, hendak apa?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Dewan ini ditangguhkan.

Y.B. Dato' Speaker : Allah, itu lama betul nak sebut mesti di tangguh.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya suka mohon menyokong rundingan itu.

Jurutulis : UCAPAN TANGGUHAN MESYUARAT.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat sekalian, Jurutulis telah menerima lapan, setelah dibuat pengundian hanya lima sahaja yang dibenarkan untuk berucap dalam

penangguhan. Maka dengan ini saya jemput Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman, jemput.

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Bismillahirrahmannirrahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Selamat pagi, salam sejahtera, salam 1Malaysia.

Yang Berhormat Dato' Speaker, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kerana dapat diberi peluang untuk ucapan penangguhan pada hari ini. Kita sedar bahawa tempoh 5 tahun sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri dan wakil kepada rakyat akan berakhir pada Mac 2013.

Kita akui banyak perkara yang telah kita lakukan untuk melindungi rakyat dan melakukannya dengan baik. Demi masa depan negara dan Negeri Johor khususnya tapi dalam melaksanakan tugas tersebut ada juga perkara yang mungkin kita terlepas pandang atau terlambat dalam melaksanakannya. Sehingga ada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan untuk membuat persepsi yang buruk terhadap bantuan serta komitmen kerajaan. Sebagai contoh, rumah pangsa Taman Mount Austin yang dibina oleh pihak *Consult* yang tidak dapat disiapkan oleh pihak pemaju dan baru-baru ini pihak Kementerian Perumahan telah mengisytiharkan projek ini sebagai projek terbengkalai yang diisytiharkan sendiri oleh Menteri Perumahan semasa lawatan beliau. Di sinilah pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab untuk merosakkan minda pembeli seolah-olah kerajaan tidak menyiapkan projek tersebut. Tetapi hakikatnya ia adalah projek persendirian. Puak PAS datang dengan mengakui dari *team* Aduan Rakyat dengan memakai baju logo kerajaan dan mendakwa ia boleh membantu pembeli tersebut.

Bantuan yang diberi hanyalah menghantar memorandum ke Pejabat Menteri Besar dan memanggil pihak media dan dibawa ke pentas-pentas ceramah untuk memburukkan kerajaan. Adakah ini *solution* untuk mengatasi masalah tersebut? Mereka mahu *political mileage* tapi kita telah buat lebih daripada itu. Sebelum mereka buat, kita bawa dalam Dewan, kita bawa pemberita, kita bawa dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah dan akhir sekali kita bawa pihak Kementerian sehingga Menteri turun ke tapak tersebut. Inilah komitmen dan tindakan Kerajaan Barisan untuk membantu. (Dewan bertepuk). Saya juga berharap agar projek perumahan Setia Indah dapat disegerakan. Dan baru-baru ini juga terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah memperuntukkan sebanyak RM2.7 juta untuk menyiapkan projek tersebut. Begitu juga dengan masalah yang dihadapi penduduk di Taman Impian Jaya serta penduduk di Rancangan Tanah Pemuda agar ia dapat diselesaikan oleh pihak kerajaan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, begitu juga dengan puak-puak PKR baru-baru ini. Mereka menghasut Ahli Jawatankuasa PIBG Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Mount Austin dan meracuni ibu bapa agar tidak keluar mengundi pada PRU 13. Keluar dalam akhbar Tamil. Adakah ini tindakan yang bijak untuk memimpin kerajaan dan menyelesaikan masalah? Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Mount Austin yang tiada tapak sekolah sehingga dapat tapak sekolah dan di kaveat pula oleh pihak yang bermasalah dengan pihak pemaju. Kita membantu mendapatkan tapak baru di

Taman Desa Tebrau dan tapak baru ini diberikan kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Mount Austin. Ini adalah usaha yang berterusan oleh Barisan Nasional untuk memastikan pendidikan pelajar tidak dipolitikkan. Kita berusaha untuk memastikan sekolah tersebut dapat dibina. Untuk pengetahuan semua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengisytiharkan sebanyak RM100 juta kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di seluruh negara dan dari jumlah RM100 juta itu salah satu sekolah yang terpilih adalah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Mount Austin.

Yang Berhormat Dato' Speaker, harapan saya agar perkara-perkara yang boleh merosakkan integriti sebagai seorang pemimpin yang bertanggungjawab harus diperbetulkan. Tuduhan DAP yang selalu *racist* dalam banyak perkara tentang Kerajaan Johor akan bankrap, tuduhan pegawai-pegawai kerajaan mengamalkan rasuah, mencemar dan merosakkan nama polis dan sebagainya harus dihentikan. Yang paling penting ialah selesaikan masalah penjualan pasir di Selangor, mengambil tanah orang Melayu di Pulau Pinang, merampas Kampung Buah Pala daripada masyarakat India harus diselesaikan dulu oleh kerajaan PR sebelum mereka menuduh dan mencari salah orang lain. Saya mahu rakyat melihat, membandingkan komitmen barisan nasional untuk menyuarakan apa saja keluhan mereka di tempat yang tepat untuk semua pihak bagi kebaikan negeri dan negara. Akhir sekali, masa yang diberikan pun tak panjang. Harapan saya negeri kita terus maju dan semoga kita dapat bertemu lagi dalam Dewan yang mulia ini pada masa akan datang dan saya doakan agar kepimpinan kerajaan yang ada sekarang dapat dikekalkan. Sekian, wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. (Dewan bertepuk).

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Encik Tan Cher Puk, jemput.

Y.B. Encik Tan Cher Puk (Johor Jaya) : Salam sejahtera Yang Berhormat Dato' Speaker. Terlebih dahulu ingin saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker kerana mengizinkan saya berucap di dalam Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Johor di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Haji Abdul Ghani bin Othman, Menteri Besar Johor yang telah berjaya membawa kepada kemakmuran aman dan kesejahteraan di Negeri Johor ini. Tidak lupa juga rakan Yang Berhormat Ahli-Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Johor dan Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor dan Pentadbir-Pentadbir yang bersama-sama menjalankan tugas dan tanggungjawab untuk melicinkan jentera pentadbiran Kerajaan Negeri. Tahniah sekali lagi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya amat percaya dan berpegang teguh bahawa kestabilan politik sesebuah negeri menjadi asas dan tunggak kepada kemakmuran ekonomi dan keamanan sosial di dalam negeri tersebut. Dan saya juga percaya bahawa kestabilan dan kemakmuran ini hanya dapat di kecapi melalui pemerintahan Kerajaan Barisan Nasional sahaja. Kewujudan Kerajaan Barisan Nasional yang mempunyai persefahaman dan kerjasama yang erat di antara ahli-ahlinya, telah membantu Kerajaan Negeri Johor terus berada di dalam keadaan stabil dan makmur

walaupun digasak dan dilontarkan dengan pelbagai-bagai isu yang dikotori dengan fahaman-fahaman politik yang kurang sihat daripada pihak pembangkang. Mereka ini hanya pandai membuat isu-isu yang tidak berasas sama sekali, mereka ini gagal untuk membantu atau membina kemakmuran dan kestabilan yang kita amat memerlukan tetapi sebaliknya berusaha dengan sedaya upaya dan helah mengaburkan mata rakyat dan media-media asing dengan cerita-cerita dongeng mereka.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengingatkan pihak pembangkang bahawa jika mereka tidak berniat untuk membantu dalam membina kemakmuran dan kestabilan demi rakyat negeri ini, tolonglah jangan pula sesekali mengesahkan apa yang telah Kerajaan Barisan Nasional memperjuangkan dan membina kemakmuran dan kestabilan ini untuk rakyat di negeri ini. Demi kepentingan politik pihak pembangkang ini, mereka sanggup melakukan apa sahaja untuk mencari isu-isu yang boleh dipolitikkan demi memanjangkan usia kewujudan mereka ini di negeri ini. Tetapi saya percaya rakyat Johor tidak mudah percaya kepada tomah-tomah yang diketengahkan oleh mereka. Bahkan rakyat Johor mula muak dengan gelagat-gelagat mereka ini. Kita dapat lihat bagaimana mereka memerintah di beberapa negeri tertentu, sesama mereka pun telah banyak berita-berita negatif dalam bagaimana harus mereka menjalankan pentadbiran negeri masing-masing.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih atas lawatan kerja Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor ke kawasan parlimen Pasir Gudang baru-baru ini, saya mewakili warga DUN Johor Jaya ingin berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' kerana telah meluangkan masa bersama-sama rakyat di DUN Johor Jaya mendengar suara-suara dan pandangan mereka dengan sabar dan teliti sekali. Mereka rasa amat gembira dan berbangga kerana mempunyai peluang untuk mendekati dan beramah mesra dengan pucuk pimpinan negeri ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, banyak masalah yang timbul dapat diselesaikan dengan hasil lawatan kerja Yang Amat Berhormat Menteri Besar ke kawasan parlimen Pasir Gudang. Bukan sahaja yang baru-baru ini, pada 25 Februari 2012 tetapi Yang Amat Berhormat Dato' juga telah membuat satu lawatan kerja pada April 2011 ke parlimen Pasir Gudang. Semasa lawatan tersebut banyak masalah-masalah dan isu setempat yang telah dapat diselesaikan. Semasa lawatan kerja baru-baru ini, Yang Amat Berhormat Dato' mengambil berat mengenai isu yang telah ditimbulkan semasa lawatan kerja pada tahun 2011 untuk mengenal pasti yang mana telah diselesaikan atau yang mana masih dalam proses penyelesaian. Sekali membuktikan bahawa Kerajaan Barisan Nasional tidak seperti pihak pembangkang yang hanya pandai melepaskan batuk di tangan sahaja. Dan, Kerajaan Barisan Nasional tetap komited dan bekerja keras untuk rakyat sepanjang masa, bukan seperti pihak pembangkang yang timbul semasa hendak pilihan raya sahaja. Mereka ini hanya pandai mengejar kerusi sahaja tetapi tidak ada meja yang tetap untuk berkhidmat kepada masyarakat setempat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, semasa satu jamuan makan malam baru-baru ini di SJK(C) Chee Tong, Kota Puteri yang dihadiri oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar

sempena perasmian dewan besar sekolah tersebut dan juga jamuan makan malam Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor bersama-sama 130 pertubuhan NGO Tionghoa, dari parlimen Pasir Gudang untuk sambutan Tahun Baru Cina telah menunjukkan sokongan dan sanjungan daripada pihak-pihak pertubuhan NGO Tionghoa serta percayaan mereka di atas kepimpinan Kerajaan Barisan Nasional di majlis makan malam tersebut, yang dihadiri oleh seramai 3,900 orang tetamu yang bersama-sama Yang Amat Berhormat Menteri Besar sehingga tamat majlis tersebut.

Yang Berhormat Dato' Speaker, majlis malam tersebut telah dapat membuktikan bahawa usaha dan komited kerajaan tidak pernah lemah semangat sama sekali. Pihak sekolah SJK(C) Chee Tong, telah menjemput Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk merasmikan dewan besar sekolah mereka kerana mereka amat berterima kasih atas sokongan dan jasa Yang Amat Berhormat Dato' ke atas sekolah mereka. Pada masa sekolah ini dipindah keluar dari tempat asalnya di Teluk Jawa kerana keadaan bangunan sekolah yang telah usang. Yang Amat Berhormat Dato' telah membantu mereka untuk mendapatkan sebuah tapak yang di mana sekolah ini berada sekarang serta membantu peruntukan untuk membina sekolah ini pada permulaannya. Maka adalah baiknya, dewan sekolah ini dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar atas sokongan dan jasa Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Sekolah ini berdiri megah di Kota Puteri dengan sejarah ini dengan sekali lagi ianya membuktikan bahawa Kerajaan Barisan Nasional berkhidmat dan berbakti kepada rakyat sepanjang masa, bukanlah kerana pilihan raya kami bekerja. Kita sentiasa berada di sisi rakyat dan akan terus berada pada bila-bila masa sahaja.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor dan juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia kerana telah memberi sejumlah peruntukan yang besar kepada 5 buah SJK(C) parlimen Pasir Gudang dan juga beberapa pertubuhan NGO Tionghoa, semasa majlis jamuan makan malam tersebut. Pada majlis makan malam bersejarah ini, Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah mengumumkan berita terbaik bahawa sebuah SJK(C) baru akan diwujudkan di Permas Jaya untuk menampung peningkatan kemasukan murid-murid tahun 1 di sekitar parlimen Pasir Gudang. Kepimpinan Kerajaan Negeri sentiasa peka kepada keperluan asas semua rakyat tanpa mengira kaum dan agama. Ini telah dibuktikan bahawa Yang Amat Berhormat pada lawatan tersebut juga telah bersetuju permohonan kurniaan tanah daripada rumah-rumah setinggan di kawasan DUN Johor Jaya dan seterusnya ia juga telah meluluskan sekeping tanah untuk sekolah Tamil di kawasan Sri Alam.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya percaya dengan perancangan yang terperinci dan pandangan ini rakyat telah mula dapat melihat dan menikmati pembangunan infrastruktur di pembangunan kawasan ekonomi Iskandar Malaysia yang telah mula menunjukkan kesan-kesan positif kepada pembangunan ekonomi dan juga perkembangan sosial yang lebih baik dan teratur. Saya juga percaya, projek-projek dan inisiatif yang diambil oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, melalui gagasan 1Malaysia dan transformasi telah memulakan membawa negara kita ke arah mencapai negara maju pada masa yang terdekat. Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Datuk Tee Siew Kiong, jemput.

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong (Pulai Sebatang) : Selamat pagi, salam sejahtera, salam perpaduan dan salam 1Malaysia. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker, kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam sesi ucapan penangguhan bagi persidangan kali ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Pulai Sebatang ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di atas keberkesanan kepimpinan beliau, telah meyakinkan pelabur asing sehinggakan Kerajaan Persekutuan berjaya membawa masuk pelaburan asing yang tinggi berjumlah *USD10 billion* iaitu meningkatkan 5 kali ganda dibandingkan dengan tahun sebelumnya dan ini telah mencapai sasaran sebagai antara 10 negara terbaik di dunia yang berjaya menarik pelabur asing dengan jumlah yang tinggi. Kejayaan ini juga amat penting, kerana ia jelas menunjukkan keyakinan yang tinggi pelabur asing terhadap kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Kerajaan Barisan Nasional. Pelaburan asing yang tinggi ini juga satu berita gembira, kepada komuniti peniaga dan pengusaha tempatan kerana dapat meningkatkan tahap suasana perniagaan dan pelabur dalam negara yang lebih baik. Sebagai rekod kedudukan Malaysia dalam penilaian tahap suasana baik pelaburan dunia telah meningkat dari kedudukan ke-24 tahun sebelumnya kepada kedudukan ke-18.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di Dewan yang mulia ini juga Pulai Sebatang ingin menyatakan kegembiraan atas kejayaan Kerajaan Negeri pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar menarik pelaburan asing yang tinggi ke Johor iaitu sejumlah 77% daripada jumlah keseluruhan pelaburan asing ke Malaysia. Antara pelaburan-pelaburan asing di Johor adalah seperti Iskandar Malaysia dan projek minyak dan gas di Pengerang. Yang mana ia akan, menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan di Negeri Johor. Dengan ini Pulai Sebatang ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar atas kejayaan tersebut. Dengan adanya kemasukan pelaburan asing ini dan ditambah dengan usaha yang dilakukan oleh kerajaan dalam menaik taraf kemudahan-kemudahan jalan-jalan utama. Ia akan meningkatkan lagi tahap ekonomi Negeri Johor yang mana secara tidak langsung akan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan kepada rakyat-rakyat tempatan dan juga peluang-peluang perniagaan yang akan menjana pendapatan rakyat. Dengan faktor kekuatan ekonomi ini juga akan menyebabkan lebih ramai rakyat keluar dari kemiskinan dan mempunyai kekuatan pendapatan yang tinggi bersesuaian dengan matlamat negara untuk menjana pendapatan berkapital yang tinggi.

Sesungguhnya Yang Amat Berhormat Menteri Besar merupakan seorang Menteri Besar yang amat disayangi di Negeri Johor, kerana beliau bukan sahaja seorang pentadbir yang cekap, namun beliau juga seorang pemimpin yang sentiasa berdepan dengan rakyat dan mengambil berat masalah-masalah tempatan dan isu-isu semasa yang dihadapi oleh rakyat. Usaha-usaha beliau yang bersungguh-sungguh turun padang ke semua kawasan DUN, duduk semeja dengan rakyat dan NGO-NGO amat berkesan kerana berjaya menyelesaikan sebahagian besar isu-isu tempatan yang dibawa terus kepada beliau menerusi program ini. Melalui program ini juga, permintaan persatuan

tempatan dan NGO diberi perhatian serius oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dengan mewujudkan saluran yang cukup dan ada yang dipanjangkan sehingga ke tahap tertinggi di peringkat persekutuan. Pulai Sebatang ingin mengucapkan terima kasih, kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar di atas usaha murni beliau ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, usaha yang telah dilakukan oleh Kerajaan ini, terutamanya Kerajaan Negeri Johor bukanlah hanya setakat cakap kosong sahaja tetapi telah pun berhasil dan memberi manfaat kepada seluruh rakyat Johor. Inilah bukti perjuangan Kerajaan Barisan Nasional yang tidak pernah membuat janji kosong atau menjanjikan langit hanya semata-mata untuk menangani pilihan raya. Kerajaan Barisan Nasional tidak seperti parti pembangkang yang sentiasa inginkan suasana tegang dengan tunjuk perasaan dan sebagainya untuk mengambil kesempatan tanpa memikirkan bahaya keadaan itu kepada ekonomi negara dan imej baik negara.

Pulai Sebatang juga ingin mengingatkan agar rakan pembangkang tidak membuat sebarang tuduhan menuduh dan bermain wayang bahaya, bahawa apa jua yang dilakukan oleh Kerajaan terutamanya Kerajaan Negeri Johor adalah tidak betul dan salah semuanya. Tetapi apa jua yang dilakukan oleh pihak pembangkang adalah betul semuanya, sedangkan jika dibuat perbandingan, tidak ada satu pun negeri-negeri yang diperintah oleh parti pembangkang yang lebih baik dari Negeri Johor dari pelbagai sudut termasuk sudut ekonomi. Kita faham, sebagai manusia biasa semua pihak ada mempunyai kelemahan dan kebaikan, namun bukan semua yang kita lakukan adalah salah semata-mata. Kerajaan telah banyak melakukan kebaikan untuk rakyat sepanjang tempoh pemerintahannya dan ini sepatutnya diakui dan diberi sokongan oleh pihak pembangkang. Janganlah kebaikan yang kerajaan lakukan ditabur dengan fitnah dan bermain emosi rakyat supaya membenci kerajaan dan memecahbelahkan perpaduan rakyat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, walaupun telah banyak usaha yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri Johor dalam memastikan tiada rakyatnya yang tercicir dalam arus pembangunan ketika negara menuju Wawasan 2020 dan ketika kita berada dalam era transformasi ini, masih terdapat ruang untuk dilakukan penambahbaikan dan peningkatan kualiti pentadbiran Kerajaan Negeri Johor. Penambahbaikan dan peningkatan yang dimaksudkan oleh Pulai Sebatang adalah dalam aspek memberi perkhidmatan agar segala urusan rakyat Johor dipermudahkan, cepat dan berkesan. Yang Berhormat Dato' Speaker, dengan kata-kata itu dan tekad "1 Malaysia Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan", Pulai Sebatang mengakhiri ucapan penangguhan ini. Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Datuk Haji Harun bin Abdullah, jemput.

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjong Surat) : Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh...

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam.

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjong Surat) : ...dan selamat sejahtera. Yang Berhormat Dato' Speaker, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam Ucapan Penangguhan Persidangan Dewan Undangan Negeri Johor 2012 pada pagi ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Datuk Seri Perdana Menteri Malaysia dan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor yang telah membawa projek yang terbesar di kawasan Pengerang iaitu projek gas dan petroleum yang dianggarkan RM65 bilion.

Kami mewakili seluruh penduduk kawasan ini berasa amat berbangga dan sekali lagi mengucap terima kasih di atas jasa-jasa kedua-dua pemimpin yang kita kasihi. Projek pembangunan industri petroleum dan gas ini memberi peluang yang amat luas terutama peluang pekerjaan yang dianggarkan lebih daripada 20,000 orang dan memberi keutamaan kepada penduduk tempatan. Di samping itu juga, pihak syarikat ada bercadang untuk mengadakan kursus kemahiran yang ada kaitan dengan industri ini.

Kedua, projek ini memberi peluang dan ruang yang luas dari segi perniagaan kecil-kecilan sehingga perniagaan yang lebih besar. Dengan adanya projek ini juga penduduk tempatan mendapat hasil pampasan yang agak lumayan dan ramai kemungkinan penduduk-penduduk akan menjadi jutawan. Oleh itu, saya berharap kepada pihak kerajaan supaya dapat memberi pertimbangan yang sesuai mengenai dengan harga tanah pertanian di kawasan ini dengan harga pasaran semasa. Ini sebenarnya penduduk Pengerang sedang menunggu keputusan daripada pihak penilai kerajaan untuk mengetahui harga tanah mereka yang sebenarnya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mewakili penduduk Pengerang mengucap terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor yang telah memberi penerangan dan penjelasan yang begitu teliti mengenai pembangunan industri petroleum dan gas di kawasan kami kira-kira sebulan yang lepas. Di samping itu juga, Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah bersetuju meneruskan beberapa perkara yang memberi keuntungan yang luar biasa kepada penduduk Pengerang terutama sekali :

1. Kerajaan bersetuju membina rumah kediaman untuk menggantikan rumah yang ada sekarang.
2. Kerajaan memberi tanah lot kepada penduduk di Kampung Dato' Abdul Ghani Othman kepada semua penduduk yang mempunyai tanah asal, rumah asal yang sanggup berpindah, yang terlibat dengan projek ini dengan keluasan tanah 6,000 kaki persegi secara percuma.
3. Kerajaan setuju kurniakan tanah seluas 2 ekar kepada setiap orang bagi mereka tanahnya diambil dengan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh kerajaan iaitu bagi mereka yang ada nama dalam geran tanah dan saya berharap supaya kerajaan dapat kurniakan tanah yang sesuai dan baik bagi pendapatan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin mencadangkan supaya kerajaan melalui pembangunan perumahan baru di Kampung Dato' Abdul Ghani Othman bagi pemindahan penduduk seramai enam buah kampung di kawasan ini, di mana kawasan ini hendaklah jadi kawasan bandar. Dicadangkan di kawasan bandar dan disediakan berbagai-bagai kemudahan termasuk sekolah, sekolah menengah, gerai-gerai, kedai sederhana rendah, kawasan perdagangan, perhotelan, bangunan IKS dan lain-lain bagi memberi peluang pekerjaan apabila mereka berpindah di kawasan ini selain daripada mereka sebagai nelayan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya minta kerajaan dapat mempercepatkan kawasan perkuburan orang Islam dan bukan Islam di kawasan kampung baru atau bandar baru ini kerana saya difahamkan bahawa kerajaan akan menyediakan tapak perkuburan Islam dan bukan Islam yang baru di kawasan pemindahan yang akan dilaksanakan oleh kerajaan. Oleh yang demikian, saya berharap kawasan ini dapat dipercepatkan supaya mereka dapat digunakan di peringkat awal lagi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi orang-orang yang menyewa rumah di kawasan Pengerang yang terdiri daripada penduduk tempatan, saya mencadangkan supaya pihak kerajaan membinakan rumah teres setingkat untuk disewa atau dijual terus kepada penyewa-penyewa tempatan. Oleh sebab itu, kerajaan harus mengkaji dengan teliti mengenai kedudukan rumah-rumah penyewa anak tempatan yang tinggal di situ saja yang layak menerimanya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, selepas Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar memberi penjelasan dan penerangan yang begitu jelas kepada semua Jawatankuasa JKK dan juga ahli masyarakat yang terlibat, enam buah kampung di kawasan tersebut, dengan penjelasan yang dibuat, barulah rakyat faham dan yakin bahawa projek ini memberi keuntungan kepada rakyat bukan merugikan kepada rakyat seperti yang dikatakan oleh parti pembangkang semasa berkempen. Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Speaker, bahawa hampir 90% penduduk di sini setuju untuk berpindah ke kawasan ditetapkan oleh kerajaan kerana kerajaan telah bersetuju menyediakan rumah dan tapak rumah, tambahan pula mereka berpindah setelah rumah tersebut siap dibina dengan keadaan baik.

Oleh itu, saya mencadangkan supaya rumah yang dibina biarlah selesa daripada rumah asalnya. Apa yang di cadang oleh pihak UPEN, rumah yang berharga RM35,000.00, RM60,000.00 dan RM100,000.00 Maka dengan ini saya mencadangkan supaya reka bentuk dan kawasan yang menarik dengan menaikkan harga rumah daripada RM35,000.00 kepada RM50,000.00, daripada RM60,000.00 kepada RM80,000.00 dan rumah RM100,000.00 dikekalkan. Ini kerana kebanyakan rumah kawasan ini besar dan jumlah ahli keluarganya ramai.

Yang Berhormat Dato' Speaker, melalui penerangan projek pembangunan diteruskan oleh pihak agensi kerajaan, taklimat dan pameran telah dilaksanakan UPEN, DO dan Wakil Rakyat kepada penduduk tempatan. Saya selaku Wakil Rakyat memberi penjelasan terperinci dan menjawab soalan tuduhan parti pembangkang yang tidak betul membuat tuduhan yang tidak berasas di atas projek tersebut. Sehingga hari ini penduduk tempatan tidak ada lagi bercerita di kedai-kedai kopi mengenai projek ini.

Hanya parti pembangkang seperti DAP, PKR, PAS yang datang daripada luar untuk memberi penjelasan yang tidak tepat.

Akhirnya masyarakat menolak cerita-cerita yang dibuat oleh parti pembangkang. Baru-baru ini parti pembangkang terdiri daripada wakil daripada PKR, PAS, DAP telah mengadakan ceramah di Kampung Sungai Kapal. Tapi malangnya kehadiran masyarakat tempatan banyak 50 hingga 60 orang sahaja termasuk pemerhati luar. Oleh itu, saya ingin memberi amaran kepada parti pembangkang yang cuba campur tangan pembangunan industri di kawasan Pengerang kerana rakyat tidak yakin dengan janji-janji, kata-kata pembohongan parti pembangkang kerana kawasan ini ialah kawasan kubu kuat UMNO. Saya sekarang sedang memberi penjelasan kepada Melayu melalui Majlis Sambutan Maulidur Rasul, memberi penjelasan kepada masyarakat melalui mesyuarat PIBG, melalui perjumpaan dengan masyarakat tempatan dan lain-lain cara untuk memberi penjelasan supaya rakyat memahami pembangunan projek tersebut.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sejak kebelakangan ini saya lihat ramai peguam datang kampung untuk memberi perkhidmatan percuma katanya, kepada penduduk tempatan, terutama urusan tanah dan nelayan. Di sini, saya ingin mengingatkan kepada pihak kerajaan terutama sekali Pengarah Perikanan Johor, supaya berhati-hati mengenai tuntutan yang tidak betul oleh kaum nelayan dan bukan nelayan melalui peguam yang mencari keuntungan dengan cara percuma daripada penduduk tempatan atau kaum nelayan. Setahu saya, pihak syarikat telah menyerahkan pampasan tebus sugu hati kepada nelayan yang berlesen RM30,000.00, dan tidak berlesen RM15,000.00 untuk kawasan yang terlibat sahaja.

Setahu saya sebilangan, dia ada lesen tetapi tidak mempunyai sampan dan jaring atau tidak ke laut terus. Oleh sebab itu, pihak kerajaan kena selidik dengan teliti sama ada mereka ini betul-betul nelayan atau tidak, kerana pada masa sekarang ramai yang mengaku mereka nelayan. Sepatutnya pihak kerajaan terutama sekali Pengarah Perikanan Johor, jangan syok sendiri membuat keputusan tanpa membuat penyiasatan yang betul kerana kesannya ini akan berbalik kepada kerajaan, sedangkan saya, Wakil Rakyat tahu siapa yang nelayan tulen, siapa yang bukan nelayan, tetapi mereka mengaku ia sebagai nelayan. Dan, ada setengahnya bekerja sebagai seorang pemandu lori, jaga dan kerja-kerja lain. Ada setengahnya menjadi Ahli Persatuan Nelayan tetapi tidak pernah ke laut.

Baru-baru ini saya difahamkan nelayan membuat tuntutan kepada kerajaan atau syarikat melalui peguam untuk membuat tuntutan luar biasa, sedangkan mereka tidak terlibat dengan projek tersebut. Contoh, Pengkalan Musuh, Sungai Musuh, Punggai, Bandar Penawar dan tempat-tempat lain yang letaknya lebih daripada 20 kilometer daripada kawasan projek tersebut. Maka mereka ini tidak layak membuat tuntutan pampasan. Akhirnya semua penduduk Daerah Kecil Pengerang termasuk FELDA akan membuat tuntutan dan mengaku dia sebagai kaum nelayan dan bukan nelayan, akhirnya pelabur lari takut untuk melabur. Jika kita melayan kehendak mereka yang tidak bertanggungjawab dan ingin mencari keuntungan daripada projek tersebut, saya berharap kepada kerajaan dan Pengarah Perikanan dapat mengadakan perbincangan dengan Wakil Rakyat tempatan. Akhirnya saya menerima beban yang

tidak tahu usul asal yang tidak betul, sedangkan tuntutan rakyat kebanyakan tidak jelas dan betul kerana parti pembangkang mengambil kesempatan dari isu kaum nelayan di kawasan ini, sedangkan nelayan mendapat subsidi minyak daripada kerajaan macam mana katanya nelayan tidak dapat ke laut.

Yang Berhormat Dato' Speaker, akhirnya saya berharap kepada kerajaan dapat meneruskan projek tersebut demi kepentingan negara dan rakyat Pengerang yang memerlukan pembangunan bagi memberi faedah dan masa depan kepada penduduk Pengerang. Saya selaku Wakil Rakyat DUN Tanjong Surat akan memberikan kerjasama dan sokongan dan berdiri teguh kepada kerajaan untuk memastikan projek ini berjalan dengan jayanya. Saya memberi jaminan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor bahawa kawasan ini selamat dan mencapai kejayaan cemerlang dalam pilihan raya yang ke-13 ini. Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Tuan Haji Ayub bin Jamil jemput.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumusalam.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Salam sejahtera, salam 1 Malaysia. Yang Berhormat Dato' Speaker, terlebih dahulu saya merakamkan ucapan terima kasih atas kesempatan yang diberikan untuk saya turut sama dalam Ucapan Penangguhan ini. Sesungguhnya kita sebagai rakyat Malaysia khususnya rakyat Negeri Johor perlu bersyukur atas nikmat kemakmuran, kesejahteraan, keselamatan, kebahagiaan, ketenteraman yang dapat kita kecapai dan nikmati secara berterusan selama ini kecuali, peristiwa hitam lagi pahit kisah perhubungan kaum yang tercalar dalam sejarah negara pada tahun 1969. Nikmat ini sesungguhnya bukan mudah untuk dinikmati dan dirasai oleh negara-negara lain di dunia ini, baik sebelum merdeka ataupun selepas merdeka. Malah ada negara yang telah wujud dan muncul beratus tahun tidak dapat menikmati kemakmuran, kesejahteraan seperti ini.

Akan tetapi negara kita mampu menikmati secara berterusan kerana kecekapan pentadbiran dan pengurusan kerajaan yang diberi amanah untuk mentadbir negara ini lebih daripada 50 tahun. Lebih penting lagi, walaupun negara ini mempunyai rakyat berbilang kaum, agama, adat, budaya, fahaman, ikutan dan cara hidup yang berbeza, namun kita mampu untuk mengekalkan kesepakatan, perpaduan di antara rakyat yang berbilang kaum ini. Berbeza dengan negara lain, yang kadang kala mempunyai rakyat satu kaum, satu bangsa, satu warna kulit, yang sama satu cara hidup, berbeza dari segi fahaman dan juga agama, tidak mampu hidup setenteram dan seaman seperti Negara Malaysia ini. Malah, mereka bertempur, berperang, berbunuh sesama sendiri ini kerana ketidakcekan kerajaan mereka menguruskan negara tersebut. Fakta sejarah ini tidak boleh sesekali dinafikan dan dipesongkan. Kejayaan kita seperti yang kita nikmati hasil kerja keras, kebijaksanaan dan kecekapan pentadbiran kerajaan yang diberi amanah tersebut. Kerajaan yang dimaksudkan ialah Kerajaan Barisan Nasional yang telah membuktikan rekod yang ada ini.

Ditambah lagi dengan ramuan dan rencah yang diamalkan di antara kaum di negara ini, yakni kesepakatan dan tolak ansur yang tinggi antara kaum di negara ini. Manakala, tolak ansur dan kesepakatan antara kaum di negara ini diasaskan oleh pemimpin terdahulu UMNO, MCA, MIC, Gerakan dan parti-parti di Sabah dan Sarawak. Mereka telah membina asas yang kukuh akan tolak ansur antara kaum dan etnik di negara ini. Segala tolak ansur dan kerjasama tersebut adalah hasil usaha para pemimpin parti yang memerintah dalam Kerajaan Barisan Nasional. Sekalipun, negara ini umurnya masih muda tapi Barisan Nasional telah menjadikan negara ini sebuah negara yang makmur, aman lagi sejahtera.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mengemukakan fakta-fakta tadi untuk membuktikan bahawa kunci kejayaan kita nikmati selama ini hasil daripada kerja keras, kecekapan pemimpin kerajaan serta tolak ansur yang subur di kalangan rakyat yang berbilang kaum di negara ini. Saya ulangi, ramuannya ialah tolak ansur dan kecekapan pemimpin. Berbeza dengan satu pihak lagi yang sentiasa menanamkan sikap perkauman yang tebal, mereka menanamkan rasa kebencian yang begitu tebal terhadap kepimpinan kerajaan yang diterajui oleh orang Melayu. Mereka menyerang pemimpin Melayu habis-habisan, mereka serang badan kehakiman, jentera kerajaan, polis, SPRM. Asal nama Melayu, mereka serang, seolah-olah tidak ada satu calit pun kebaikan yang dibuat oleh pemimpin Melayu terhadap orang lain. Mereka tanpa segan silu, tanpa rasa hormat dan tidak merujuk kepada asas sejarah pembinaan negara. Inilah tembelang, inilah temberang parti ini. Kata pepatah Melayu, sekilas ikan di air sudah ku tahu jantan atau betina. Mereka ini ibarat *telunjuk lurus, kelingking berkait*. Inilah mereka dan inilah hebatnya parti mereka sentiasa berkokok tetapi ekor bergelumang dengan tahi. Sentiasa membaling batu, tapi menyembunyikan tangan. Parti yang selalu paku dulang, paku serpih, mengata orang sebenarnya aku yang lebih. Parti yang sanggup menjual, menggadai maruah bangsa, menjual negara dan sanggup memusnahkan agama sendiri. Bukti telah jelas bahawa ketua kepada kumpulan ini meminta pertolongan dan campur tangan kuasa besar dalam politik di negara ini. Inilah kumpulan mereka.

Yang Berhormat Dato' Speaker, satu lagi yang saya ingin menegaskan seperti yang dinyatakan dalam pepatah Melayu, lain padang lain belalang, di mana bumi dipijak di situ langit dijunjung. Malaysia yang dulunya ada sejarahnya, Tanah Melayu, selalu disebut oleh Vasco Da Gamma, *Malay Peninsular*. Malaysia ini ada sejarah tersendiri, dia tidak terus jadi seperti yang ada sekarang. Malah, di ketika awal pembinaan negara ini ada persetujuan antara pemimpin negara ini, maka lahirlah Perlembagaan Persekutuan. Seperti juga setiap agama, akan ada kitab, Islam dengan Al-Qurannya, Kristian dengan *Biblenya*, Hindu dan Buddha dengan kitab masing-masing. Maka, mereka yang mengaku penganut agama, perlu patuh, perlu taat akan kitab masing-masing. Begitu juga mereka yang bernegara perlu patuh, perlu taat pada Perlembagaan sesuatu negara. Di Malaysia, nama kitabnya ialah Perlembagaan Persekutuan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Perlembagaan Persekutuan ada asas pembinaannya atau pembentukannya. Asas pertama ialah :-

1. Raja-Raja Melayu;

2. Agama Islam;
3. Bahasa Melayu;
4. Hak Istimewa Orang Melayu dan;
5. Hak kewarganegaraan.

Inilah lima asas yang menjadi tiang kepada lahirnya Perlembagaan Persekutuan. Lima perkara ini terpateri kemas, kukuh dalam Perlembagaan Persekutuan. Tidak ada pihak boleh mencabar, jauh sekali mahu mempertikaikannya. Jika mahu jadi rakyat dan warganegara mesti patuh, mesti taat seperti mana rakyat negara lain yang mesti patuh kepada Perlembagaan negara masing-masing. Dan, dalam Perlembagaan Persekutuan tidak mengetepikan nilai-nilai universal seperti hak asasi, kebebasan bersuara, demokrasi tapi mestilah mengikut aturan dan acuan yang telah ditetapkan dalam Perlembagaan Persekutuan. Ingatlah, di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung. Ingatlah, sejarah akan mencatatkan bahawa bangsa Melayulah merupakan bangsa yang mempunyai sikap tolak ansur yang tinggi di dunia ini. Sanggup berkorban segala-galanya untuk berkongsi dengan sesiapa pun bagi menikmati kemakmuran hidup di negara ini. Bangsa ini tidak pernah kecil hati, tidak pernah jauh hati dan jauh sekali untuk cemburu kalau ada orang yang lebih kaya. Kalau ada orang yang lebih senang, kalau ada orang yang lebih selesa hidup mereka dan hidup lebih berkualiti daripada mereka sendiri. Tidak akan ada perasaan cemburu dalam diri mereka. Inilah bangsa Melayu.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kita tidak pernah mendabik dada bahawa kita sempurna, bahawa kita betul, kita tahu kita juga ada kelemahan, itu sebabnya kita lakukan perubahan demi perubahan. Transformasi di sana dan di sini semata-mata untuk memperbaiki keadaan yang ada.

Yang Berhormat Dato' Speaker, akhir sekali, saya ingin menyeru rakan-rakan dalam Dewan. Ayuh kita bangkit, ayuh kita bingkas, ayuh saudara-saudara, kita gemilangkan, pertahankan Kerajaan Barisan Nasional. Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, macam kempen Pilihan Raya. Ahli Yang Berhormat dijemput ke jamuan makan tengah hari, semua eh, ketua-ketua jabatan, pemerhati, wartawan selepas Dewan ini ditangguhkan. Saya pun nak ucap terima kasihlah, kita doakanlah Pilihan Raya lama lagi, panjang kita dapat elaun lagi, kalau tahun depan lagi, genap lagi baik. Ahli Yang Berhormat, Dewan ini saya tangguhkan ke satu tarikh yang akan ditetapkan kemudian.

Persidangan ditangguhkan pada jam 11:35 pagi.

PEGAWAI-PEGAWAI BERTUGAS:

Jurutulis

Tuan Haji Mohd. Halim bin Hasbullah

Penolong Jurutulis

Encik Abdul Azim bin Shamsuddin

Kordinator

Encik Abdul Rahman bin Mohd. Yusof

Setiausaha Pejabat

Puan Asiah binti Moklis

Pembantu Penerbitan

Puan Malina binti Mohd. Nasir
Puan Noraisah binti Mohd. Yusof
Encik Ariff bin Abu Bakar

Pembantu Tadbir

Puan Hanita binti Mohamed

Pembantu Am Pejabat

Encik Razine bin Sulaiman
Encik Mohd. Hassan bin Jamian
Encik Norhayadi bin Hussien
Encik Muhamad Khirunizam bin Pahmi

Setiausaha Pejabat

Puan Saniah binti Kassim
Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Johor

Puan Azlin binti Bahrin
Pejabat Pengarah Kerja Raya Negeri Johor

Puan Haironisha binti Zainalabidin
Pejabat Menteri Besar Johor

Puan Norliza binti Md. Aris
Pejabat Jurutulis Dewan Negeri Johor

Puan Nordalila binti Dahlan
Pejabat Landskap Negeri Johor

Puan Fakhrinnazia binti Fuad
Pejabat Jurutulis Dewan Negeri Johor

Puan Rumiah binti Semirano
Pejabat Ketua Penolong Setiausaha
SUKJ Bahagian Perumahan

Puan Hazmaliza binti Hassan
Pejabat Ketua Penolong Setiausaha
SUKJ Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

Rakaman

Encik Abdul Rahman bin Elias
Jabatan Penerangan Negeri Johor

Encik Nor Risam bin Esa
Jabatan Penerangan Negeri Johor

**PEJABAT DEWAN NEGERI
JOHOR**

19 Mac 2012